



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SARAWAK**

Ibu Pejabat
Jalan Setia Raja, Tabuan Jaya
93350 KUCHING
SARAWAK

082-365994
<http://www.bomba.gov.my>
bhgkkswk@bomba.gov.my



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/SK/BKK:700-1/1/1 (11)
Tarikh : 24 September 2025

'SEPERTI SENARAI EDARAN'

Tuan,

ARAHAN PENTADBIRAN BIL.11/ 2025:

- **PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN KAJIAN SEMULA PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN (WAIVER) PERINGKAT JBPM NEGERI SARAWAK**

Dengan hormatnya, merujuk kepada Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. 2 Tahun 2023: Prosedur Memproses Permohonan Kajian Semula Pepasangan Keselamatan Kebakaran perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Keselamatan Kebakaran (BKK), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak mendapati bahawa terdapat banyak penerimaan permohonan Kajian dan Semakan Semula Sistem Pepasangan Keselamatan Kebakaran (KSSPKK) adalah tidak lengkap dan tidak mengikut tatacara pemprosesan yang sepatutnya.

3. Sehubungan itu, bagi menyeragamkan prosedur pemprosesan permohonan kajian dan semakan semula pemasangan keselamatan kebakaran dengan lebih sistematik, pihak tuan **hendaklah memastikan perkara-perkara berikut adalah dipatuhi dan disampaikan dengan jelas, tepat dan betul kepada pihak berkepentingan/ pelanggan (Stakeholders) jabatan:**

- 3.1 Permohonan KSSPKK bagi **cadangan projek yang diproses di peringkat BKK Negeri dan Zon hendaklah dimajukan ke Pejabat Pengarah JBPM Negeri sahaja** (permohonan tidak boleh dikemukakan terus ke Ibu Pejabat JBPM);
- 3.2 Permohonan KSSPKK bagi sesuatu projek atau premis boleh dikemukakan isu-isu yang berkaitan kepada **Perakuan Pelan Bangunan, Pelesenan, Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (OP) dan Perakuan Bomba (FC);**

'CEPAT DAN MESRA'



SIRIM



A C B Q M S O 1



SIRIM



A C B A B M S O 1



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO ISO 37001:2016

- 3.3 Bagi sebarang permohonan KSSPKK yang melibatkan **Perakuan Pelan Bangunan, *Principal Submitting Person (PSP)/ Submitting Person (SP)*** hendaklah memastikan pelan tersebut mematuhi penentuan sistem pemasangan keselamatan kebakaran (PKK) seperti yang termaktub dalam ***Sarawak Building Ordinance 1994***, **Perintah Tetap Ketua Pengarah, Garis Panduan atau Arahan-Arahan semasa dan diperakukan terlebih dahulu (Surat Kelulusan)** oleh Jabatan ini sebelum permohonan KSSPKK dibuat; dan
- 3.4 Permohonan KSSPKK bagi sesuatu cadangan projek atau premis hendaklah **dikemukakan oleh PSP/ SP yang dilantik sahaja** dengan **menyatakan dengan lengkap** perkara seperti ketetapan berikut:
- 3.4.1 **Surat permohonan KSSPKK dengan menyatakan dengan jelas perkara yang dimohon;**
- 3.4.2 **Deskripsi lengkap** permohonan KSSPKK serta **menyatakan dengan jelas rujukan klausa undang-undang/ arahan/ perintah/ garis panduan/ piawaian** yang berkaitan untuk menyokong permohonan;
- 3.4.3 **Asas dan justifikasi** lengkap permohonan KSSPKK;
- 3.4.4 **Cadangan alternatif** kepada permohonan KSSPKK; dan
- 3.4.5 **Mengemukakan sebarang dokumen/ pengiraan/ lukisan teknikal (pelan Arkitektural) dan gambar-gambar** yang berkaitan.

4. Dilampirkan bersama-sama surat ini PTKP Bil. 2 Tahun 2023 untuk rujukan dan tindakan selanjutnya pihak tuan. Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PKPJ B. JAMRI BIN MASRAN)

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Sarawak

- s.k.: i. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM
ii. Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) Sarawak Chapter
iii. Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM) Sarawak Branch

SENARAI EDARAN

1. Ketua Zon 1, Sarawak
2. Ketua Zon 2, Sarawak
3. Ketua Zon 3, Sarawak
4. Ketua Zon 4, Sarawak
5. Ketua Zon 5, Sarawak
6. Ketua Zon 6, Sarawak
7. Ketua Zon 7, Sarawak